



Untuk Terbitan Media

3 Jun 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **LAWATAN KERJA KE JEPUN: KESUMA RAIH PULANGAN BERGANDA, BAWA MASUK 8 TEKNOLOGI BAHARU REHABILITASI**

**TSUKUBA, JEPUN** – Lawatan kerja rasmi Menteri Sumber Manusia ke Jepun meraih pulangan berganda dalam aspek rehabilitasi berteknologi moden, pembangunan kemahiran dan penyelidikan.

Kunjungan sulung Steven Sim Chee Keong ke Negara Matahari Terbit pada 22 hingga 28 Mei lalu juga mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia-Jepun, termasuk membabitkan aspek perlindungan keselamatan sosial.

#### ***PENJIMATAN, NILAI TAMBAH***

Dalam lawatan ke Cyberdyne Inc, beliau berkata, kementerian menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berjaya memuktamadkan perjanjian sewaan 50 set peralatan rehabilitasi, sut robot (*Hybrid Assistive Limb*) HAL, dengan penjimatan kos mencecah hampir 20 peratus berbanding harga pasaran semasa.

Malah, katanya, kerjasama dengan pelopor teknologi moden pemulihan anggota berpangkalan di Tsukuba, Jepun itu menjana nilai tambah apabila lapan teknologi baharu yang belum pernah digunakan mana-mana negara bakal diberikan kepada Malaysia menerusi PERKESO.

“Penambahan 50 set HAL bernilai RM20,528,005.50 (USD4.357 juta) berbanding harga pasaran semasa RM24,801,383.10 (USD5.264 juta) ini akan ditempatkan untuk kegunaan di Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Rehabilitasi Cybernics Kebangsaan PERKESO

yang bakal beroperasi di Meru, Ipoh kelak.

“Nilai tambah menerusi pemberian lapan teknologi baharu ini bakal memberikan lonjakan ketara terhadap keterangkuman dinamika perlindungan keselamatan sosial di Malaysia supaya lebih menyeluruh, selari peningkatan kecekapan dan kepakaran tenaga kerja tempatan.

“Selain pengurangan kos sewaan untuk tempoh lima tahun, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) berjaya memeterai kolaborasi antara PERKESO, Cyberdyne dan University of Tsukuba bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia serta kemahiran robotik,” katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Terdahulu, Steven Sim mengadakan perbincangan dua hala bersama Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Cyberdyne Incorporation merangkap Pengarah Eksekutif Penyelidikan Pusat Penyelidikan Cybernics University of Tsukuba, Profesor Yoshiyuki Sankai.

Inti pati perbincangan antara lain terarah kepada aspek meneroka peluang kerjasama untuk berkongsi kepakaran, pemindahan teknologi rehabilitasi yang terkini dan pembangunan kemahiran tinggi dalam Industri Cybernics serta Masyarakat 5.0.

*Hybrid Assistive Limb (HAL)* untuk kanak-kanak yang memiliki gangguan saraf untuk berjalan; *Acoustic X Cyberdyne LED Imaging System* menawarkan real-time pengimejan foto akustik yang berupaya meningkatkan diagnostik perubatan; Cyberdyne Cyin mampu memperkasakan potensi individu dengan limitasi fizikal yang serius untuk berkomunikasi dan mengawal persekitaran mereka melalui isyarat bio-elektrik; Cyvis 2 adalah sistem pemantauan kesihatan harian yang mampu memeriksa aritmia dan fibrilasi atrium untuk mengelakkan infarksi miokardium dan infarksi serebrum.

Selain itu, LPixel memudahkan diagnosis dan penyelidikan perubatan melalui analisis imej sains hayat. Brain Machine Interface yang berupaya mencipta komunikasi langsung berkaitan aktiviti otak sekali gus memungkinkan niat pemikiran seseorang boleh bertukar kepada perbuatan; Cyberdyne Cleaning Robot CL02 bertindak sebagai robot pembersihan dan Cyberdyne Transport Robot yang menawarkan penyelesaian autonomi yang cekap untuk pembersihan dan pengangkutan dalam pelbagai tetapan dalaman.

**PEMINDAHAN KEPAKARAN, PUSAT R&D REHABILITASI PERTAMA**

Mengulas lanjut, Steven Sim berkata, kerjasama di peringkat antarabangsa itu adalah tepat pada masanya, memandangkan PERKESO bakal menempatkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di blok baharu pusat rehabilitasi di Melaka, yang dijangka mula dibina menjelang suku ketiga tahun ini.

Selain itu, usaha ini berupaya menjadikan Pusat Rehabilitasi PERKESO sebagai pusat latihan bertauliah Cyberdyne bagi kursus Keselamatan HAL di Malaysia, Asia Tenggara, Asia Selatan, dan Timur Tengah yang antara lain meliputi pembangunan pelbagai produk perkhidmatan baharu.

“Sejak robot sut HAL diperkenal, seramai 2,514 pesakit dengan pelbagai keadaan, khususnya yang mengalami gangguan neuromuskular (strok dan kecederaan saraf tunjang) dirawat menggunakan teknologi Cyberdyne di Pusat Rehabilitasi PERKESO.

### ***LEBIH SEPARUH KEMBALI BEKERJA, KEMAJUAN INDUSTRI CYBERNICS 5.0***

“Daripada jumlah ini, 55.24 peratus atau 1,389 pesakit berjaya kembali bekerja manakala selebihnya masih dalam proses menjalani rawatan, rehabilitasi dan penempatan pekerjaan.

“Justeru, pusat R&D yang bakal menerima pemindahan kepakaran dan kemahiran, hasil kerjasama strategik dijalin antara PERKESO, Cyberdyne serta University of Tsukuba ini diyakini mampu berperanan sebagai pemangkin prestasi program Return-To-Work (RTW) sedia ada menerusi rawatan rehabilitasi, selain memacu kemajuan Industri Cybernics 5.0 di Malaysia,” katanya.

Untuk rekod, perkhidmatan teknologi canggih Cyberdyne dan rawatan Cybernics mula ditawarkan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Melaka sejak November 2018 dengan penggunaan 24 unit sut robot HAL.

Sehingga kini, sejumlah 126 unit robot sut HAL dibawa masuk serta digunakan di Pusat Rehabilitasi PERKESO bersama rakan strategiknya yang menjadikan Malaysia satu-satunya negara di dunia yang memiliki robot sut HAL terbanyak.

Tamat

###

### **Mengenai Pusat Rehabilitasi PERKESO**

Tahun 2024 juga menandakan sambutan sedekad Pusat Rehabilitasi PERKESO dengan slogan "Sedekad Memacu Revolusi Rehabilitasi." Pusat Rehabilitasi PERKESO terus komited dalam menyediakan perkhidmatan rehabilitasi terbaik dan inovatif untuk semua rakyat Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**3 Jun 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**